

KUALA LUMPUR, 2 OKT. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELANCARKAN KEMPEN KEBERSIHAN SELURUH NEGARA DENGAN HARAPAN KEBERSIHAN DIJADIKAN SALAH SATU CIRI IDENTITI RAKYAT DAN NEGARA DAN SETERUSNYA MEMASTIKAN SATU PERSEKITARAN YANG BERSIH DIWUJUDKAN.

BELIAU BERHARAP KEMPEN SEBULAN ITU AKAN MENCAPAI MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MEMUPUK KESEDARAN TENTANG NILAI KEBERSIHAN DAN KEPERLUAN MEWUJUDKAN SATU ALAM SEKITAR YANG BERSIH DI SELURUH NEGARA SERTA MENANAMKAN PERASAAN TANGGUNGJAWAB AWAM YANG BARU BAGI SEMUA LAPISAN MASYARAKAT.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEMPEN ITU MERUPAKAN SATU PERMULAAN SAHAJA TETAPI YANG LEBIH PENTING MELALUINYA, SEMUA PIHAK HENDAKLAH MENJADIKAN KEBERSIHAN DIRI DAN PERSEKITARAN SEBAGAI TANGGUNGJAWAB SEMUA SEPANJANG MASA.

+OLEH ITU ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA SEMUA UNTUK MENJAGA KEBERSIHAN RUMAH DAN HALAMAN KITA, KAWASAN-KAWASAN PERUMAHAN, TEMPAT-TEMPAT KERJA, BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN DAN SWASTA, KILANG-KILANG DAN TEMPAT AWAM,+ TAMBAHNYA KETIKA MELANCARKAN KEMPEN ITU -- DI MEDAN LETAK KERETA DI JALAN MEDAN BUNUS DI SINI.

BELIAU PERCAYA JIKA KAMPUNG, BANDAR DAN NEGARA BERSIH, MARUAH RAKYAT TIDAK AKAN TERJEJAS TETAPI AKAN DIHORMATI OLEH ORANG LAIN. --LAGI 1055/MD

PM-KEBERSIHAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBERSIHAN BUKAN HASIL KERJA MENYAPU-CUCI TETAPI LEBIH BERGANTUNG KEPADA TABIAT MASYARAKAT TIDAK SUKA MEMBUAT SAMPAH.

+SEBENARNYA YANG DIPERLUAKAN CUMA BEDIKIT. SAHAJA IAITU TIDAK MEMBUANG SAMPAH MELAINKAN DI TEMPAT-TEMPAT YANG DISEDIAKAN,+ TAMBAH BELIAU KEPADA 3,500 ORANG TERMASUK TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM YANG MENYERTAI PROJEK GOTONG-ROYONG ITU.

PERDANA MENTERI MEMINTA PIHAK YANG MEMPUNYAI KAKITANGAN DAN ALAT SUPAYA MENGATUR SISTEM DAN CARA MENJAGA KEBERSIHAN KAWASAN Masing-masing dengan kemas dan teratur sepanjang masa.

+SAYA HARAP PERKARA INI TIDAK MENJADI SATU PERKARA YANG DIPANDANG RINGAN OLEH SESIAPA PUN.+

BELIAU KESAL KERANA RAKYAT MEMPUNYAI PANDANGAN SALAH TENTANG KEBERSIHAN DAN MENGANGGAP TANGGUNGJAWAB MENJAGA KEBERSIHAN SELALUNYA SEBAGAI TUGAS PIHAK BERKUASA.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN TIDAK ADA KERAJAAN DI DUNIA INI YANG BOLEH MEMBERSIHKAN ALAM SEKITAR JIKA RAKYAT MENGOTORKANNYA SEPANJANG MASA.

+APAKAH DAPAT KERAJAAN MENGHANTAR TUKANG SAPU UNTUK MENGUTIP ATAU MENYAPU SETIAP KALI KITA MEMBUAT SAMPAH?+ TANYANYA. --LAGI

#### PM-KEBERSIHAN 3 KUALA LUMPUR

MENURUT PERDANA MENTERI TABIAT ITU DAPAT DILIHAT APABILA ORANG-RAMAI BERKUMPUL DI SATU-SATU TEMPAT SEPERTI SEMASA PERTUNJUKAN TAMAN PERDANA; UMPAMANYA, DI MANA SAMPAH YANG DIBUANG MENJADIKANNYA SEBAGAI TAMAN SAMPAH PADA KEESOKAN HARI NYA.

KATANYA TIDAK MUNGKIN PEMBERSIHAN DAPAT DIBUAT OLEH PEKERJA DENGAN SERTA-MERTA DAN PANDANGAN DI TAMAN YANG INDAH ITU MENJADI BEGITU BURUK SEKALI.

SEBALIKNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN JIKA SETIAP ORANG SEDAR AKAN KEBERSIHAN DAN BERASA BERTANGGUNGJAWAB, DENGAN TIDAK MENGOTORKAN KEADAAN DI SEKELILING DI MANA MEREKA BERADA, MAKA MASALAH PEKERJA TIDAK SENANG UNTUK MEMBERSIHKAN KAWASAN DI BAWAH JAGAAN MEREKA TIDAK AKAN TIMBUL.

HARI INI KITA KELUAR BERAMAI-RAMAI UNTUK MEMBERSIHKAN KAWASAN KERANA SEKIAN LAMA KITA TELAH MENGOTORKANNYA DAN TIDAK MUNGKIN PEKERJA BIASA DAPAT MEMBERSIHKANNYA DENGAN SEMPURNA.

+SELEPAS KEMPEN INI MEREKA BOLEH MENJALANKAN TUGAS DENGAN LEBIH MUDAH,+ KATANYA.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA KEMPEN ITU ADALAH KEMPEN KESEDARAN TETAPI SAMAADA SEMUA PENDUDUK BOLEH MENJAGA KEBERSIHAN BERGANTUNG KEPADA KESEDARAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB MEREKA SELEPAS KEMPEN TERSEBUT. --LAGI 1110/MD

#### PM-KEBERSIHAN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KESEDARAN RAKYAT TENTANG TANGGUNGJAWAB MENJAGA KEBERSIHAN SEPANJANG MASA BOLEH DIUKUR SELEPAS KEMPEN ITU TAMAT.

JIKA TABIAT MENJAGA KEBERSIHAN TERSEMAI DALAM HATI KITA KERANA KEMPEN INI, MAKA BOLEH KITA KATAKAN KEMPEN INI BERJYA. JIKA SELEPAS INI KITA BALIK KEPADA TABIAT LAMA, MAKA SIA-SIA SHAJALAH KEMPEN INI,+ TEGASNYA.

KEMPEN HARI INI MELIBATKAN SEMUA PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, NEGERI, DAERAH, PENGUASA TEMPATAN, BANDAR DAN KAMPUNG DAN JUGA BADAN-BADAN SWASTA, BADAN SUKARELA DAN SEMUA LAPISAN MASYARAKAT.

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN SUMBANGAN PENYERTAAN SUKARELA OLEH BADAN-BADAN SWASTA DAN SUKARELA, KELAB KEBAJIKAN DAN ORANG PERSENDIRIAN DALAM MENJAYAKAN KEMPEN KEBERSIHAN SEBAGAI AMAT BERMAKNA SEKALI KE ARAH MENJADIKAN KEBERSIHAN SEBAGAI NILAI DAN CARA HIDUP RAKYAT MALAYSIA.

IA JUGA MENCERMINKAN KESANGGUPAN SEMUA PIHAK UNTUK MEMIKUL SESUATU TANGGUNGJAWAB BERSAMA. --LAGI 1117/MD

#### PM-KEBERSIHAN 5 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR. JAMES ONGKILI BERKATA PERLAKSANAAN KEMPEN PADA SEMUA PERINGKAT AKAN DIKESAN MELALUI SATU SISTEM PENGESANAN, TERMASUK PENGGUNAAN BILIK-BILIK GERAKAN.

SEGALA MAKLUMAT DARI SEMUA PERINGKAT AKAN DIKUMPUL DAN DIANALISA UNTUK MENGUKUR TAHAP PENCAPAIAN KEMPEN ITU SERTA MENGENALPASTI MASALAH-MASALAH YANG TIMBUL DALAM TUGAS MEWUJUD DAN MENYELenggarakan KEBERSIHAN DAN Mencari JALAN UNTUK MENGATASINYA.

BELIAU, SELAKU Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Kempen, Menerangkan Pengesanan Itu Bukan Sahaja Akan Dibuat Dalam Tempoh Kempen Itu Berjalan, Bahkan Juga Selepas Kempen Selesai.

Ketetapan telah dibuat supaya semua kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Kempen pada peringkat negeri, majlis perbandaran, daerah dan penguasa tempatan dan kampung.

Untuk tempoh kempen itu, jawatankuasa-jawatankuasa kempen akan mengendalikan aktiviti gotong-royong di kawasan masing-masing. --BERNAMA 1122/MD